

Headline	Pelajar belajar guna elektrik secara berhemah		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	16 Jan 2024	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	19
Section	Nasional	Journalist	ROSKHOIRAH
ArticleSize	366 cm ²		
PR Value	RM 23,277		



Pertandingan video TNB-Sinar Bestari capai matlamat

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Pertandingan video kreatif 'Bijak Tenaga' TNB-Sinar Bestari mencapai matlamatnya apabila berjaya mengubah cara penggunaan elektrik pelajar sekolah.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Laksamana Raja Mahkota, Teluk Intan, Perak, Rohana Mohamed berkata, muridnya kini menggunakan elektrik di sekolah secara berhemah.

"Melalui pertandingan ini mereka semakin tahu cara untuk berjimat. Contohnya, jika ada aktiviti Pendidikan Jasmani di luar kelas, mereka akan pastikan lampu dan kipas kelas tertutup."

"Pertandingan sebegini perlu diteruskan kerana dapat mencungkil bakat terpendam dalam kalangan pelajar. Kadang-kadang di dalam kelas mereka diam tetapi tidak sangka ada yang mempunyai kebolehan lain," katanya.

Pelajar belajar guna elektrik secara berhemah

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika dijumpai pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Kreatif 'Bijak Tenaga' TNB-Sinar Bestari di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Komunitasi Luaran, Komunikasi Korporat Kumpulan TNB, Datin Ruslinda Ibrahim dan Editor Eksekutif Gaya Hidup *Sinar Harian*, Meen Tahirin.

SK Dato' Laksamana Raja Mahkota, Teluk Intan, Perak dinobatkan sebagai juara bagi kategori sekolah rendah dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000, diikuti SK Pandan Indah, Kuala Lumpur di tempat kedua yang menerima RM3,000 dan SK Putrajaya Presint 11 mendapat tempat ketiga serta berjaya meraih RM2,000.



ROHANA



USNIATI

Sementara itu, Sekolah Menengah (SM) Sung Siew (CF) Sandakan, Sabah menjurauai kategori sekolah menengah, manakala tempat kedua dimenangi Kolej Vokasional Batu Lanchang, Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Senai, Johor mendapat tempat ketiga.

Pertandingan itu merupakan kolaborasi antara Sinar Bestari bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan berlangsung pada 23 Oktober sehingga 15 Disember 2023.



Pelajar SK Dato' Laksamana Raja Mahkota, Teluk Intan, Perak teruja menjurauai Pertandingan Video Kreatif 'Bijak Tenaga' TNB-Sinar Bestari bagi kategori sekolah rendah pada Isnin.

Guru SM Sung Siew (CF) Sandakan, Sabah, Usniati Mohd Umar berkata, idea untuk menghasilkan video diberikan sepenuhnya oleh pelajar dan beliau hanya membantu dalam proses pembikinannya.

"Saya bangga dengan pelajar. Saya dapat lihat usaha

dan kerjasama mereka dalam menghasilkan video ini.

"Semasa menghasilkan video, saya dapat lihat banyak perkara baharu mengenai penjimatatan elektrik dapat mereka pelajari dan gunakan dalam kehidupan seharian," ujarnya.